



No. Sebut Harga: **RISDA-L-01/2023**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH RISDA**

Alamat Pusat Tanggungjawab:

**Bahagian Pentadbiran
Tingkat 11, Ibu Pejabat RISDA,
KM.7, Jalan Ampang,
50990 Kuala Lumpur.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset alih seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset Alih	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Proton Persona 1.6 Automatik No. Pendaftaran Kenderaan : WWQ 8976	1	RM7,500.00
2.	Nissan X-Trail 4WD 2.5L A/T No. Pendaftaran Kenderaan : WWR 1062	1	RM17,000.00
3	Toyota Hiace Window Van 2.7(P) No. Pendaftaran Kenderaan : WPR 922	1	RM18,890.00

2. Aset alih boleh dilihat pada **10 Ogos 2023 (Khamis)** di antara jam **10.30 pagi hingga 11.30 pagi** di kawasan parkir Menara RISDA, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28)** dan **Dokumen Sebut Harga** yang boleh diperolehi di alamat seperti di **Para 4**. Tawaran sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat dan ditanda **No. Sebut Harga : RISDA-L-01/2023** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat:-

**Urus Setia Pelupusan,
Seksi Aset Alih,
Bahagian Pentadbiran
D/A : Tingkat 7, Ibu Pejabat RISDA,
Jalan Ampang,
50990 Kuala Lumpur.**

Tarikh tutup sebut harga pada **17 Ogos 2023 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab)

Tarikh :

Cap : **HAJI NASRUL FAHMI BIN YAHYA**
Timbalan Pengarah
Bahagian Pentadbiran
RISDA

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

- 1) Aset alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 2) Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat *atau 'as- is, where-is-basic'*.
- 3) Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
- 4) Harga tawaran hendaklah dalam Ringgit Malaysia.
- 5) RISDA tidak bertanggungjawab di dalam apa-apa kekurangan atau kerosakan dan tidak akan memperbaiki atau mengganti mana-mana bahagian aset alih yang telah rosak atau hilang.
- 6) Semua tawaran hendaklah dikemukakan dalam borang yang disediakan. Lain-lain borang tidak akan diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang rasmi tersebut.
- 7) Sebarang pindaan kepada tawaran (sama ada mengenai perincian atau kadar harga) hendaklah jangan dilitupi tetapi hendaklah dipotong dan ditandatangani ringkas.
- 8) Tiap-tiap borang tawaran hendaklah ditandatangani dan dicap dengan cap rasmi pemohon.
- 9) **Wang deposit** hendaklah disertakan bersama tawaran ini sebanyak **5% daripada harga yang ditawarkan.**
- 10) Wang deposit hendaklah dimasukkan ke dalam akaun **CIMB Bank, RISDA AKAUN BAHAGIAN KEWANGAN, NO. AKAUN 80-0248445-9.**

- 11) Penyebut harga yang menghantar wang deposit dalam bentuk Cek Persendirian/ Cek Syarikat tidak akan dipertimbangkan.
- 12) Wang deposit akan menjadi hak RISDA sekiranya penyebut harga menarik diri sebelum keputusan diumumkan.
- 13) Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengambil aset alih yang ditawarkan tiga (3) minggu selepas diberitahu. Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pembeli.
- 14) Baki harga yang ditawarkan (setelah ditolak wang deposit daripada harga sebenar tawaran) hendaklah dibayar dalam jangka masa tiga (3) minggu selepas diberitahu.
- 15) RISDA boleh menolak tawaran tanpa memberi apa-apa penjelasan dan wang deposit akan dikembalikan.
- 16) RISDA tidak akan melayan sebarang tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan tawaran ini.
- 17) RISDA tidak terikat untuk memilih tawaran yang tertinggi atau mana-mana tawaran yang dimajukan.
- 18) Walau bagaimanapun, syarat-syarat yang tersebut di atas, Pihak Pengurusan RISDA adalah berhak untuk membuat pindaan kepada syarat-syarat berkenaan dari semasa ke semasa.